



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENJELASAN BERKAITAN LAPORAN PENARIKAN BALIK PRODUK “HONG THAI INHALER” DI THAILAND YANG DIKESAN DIJUAL MELALUI PLATFORM E-DAGANG DI MALAYSIA

Putrajaya, 6 November 2025 - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum **laporan media berkaitan penarikan balik produk herba “Hong Thai Inhaler” di Thailand** selepas didapati **mengandungi pencemaran bakteria** yang **berpotensi membahayakan kesihatan pengguna**.

Hasil semakan awal mendapati produk ini turut dijual melalui beberapa platform e-dagang di Malaysia. Sehubungan itu, tindakan **kawalan segera telah dilaksanakan**, termasuk **saringan ke atas penjualan produk tersebut** secara **dalam talian** dan **tindakan sekatan** terhadap pautan penjual yang terlibat. Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan akan dijalankan ke atas penjual yang dikesan menjual produk tersebut.

KKM ingin menegaskan bahawa produk “Hong Thai Inhaler” **tidak berdaftar** dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). Oleh itu, **produk ini tidak dibenarkan untuk dijual atau diedar** di Malaysia, sama ada **secara fizikal** mahupun melalui **platform e-dagang**.

Pihak Kementerian melalui Bahagian Penguatkuasaan Famasi (BPF) telah menjalankan pemantauan dan saringan di beberapa platform e-dagang dan telah mengesan sebanyak **335 pautan URL** pengiklanan dan penjualan produk tersebut oleh penjual tempatan dan luar negara. Susulan itu, BPF telah mengemukakan **Notifikasi Aduan** kepada pihak platform terbabit untuk menurunkan iklan-iklan produk tersebut dengan **kadar segera** demi melindungi kesihatan rakyat.

Sebagai langkah pencegahan, orang awam dinasihatkan untuk menghentikan serta-merta penggunaan produk ini sekiranya telah dibeli, dan mendapatkan nasihat perubatan sekiranya mengalami sebarang kesan sampingan atau gejala mencurigakan.

Penjualan dan pemilikan **ubat tidak berdaftar** adalah **melanggar Peraturan 7(1)(a), Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984**, yang boleh dihukum di bawah Seksyen 12, Akta Jualan Dadah 1952. Jika sabit kesalahan, individu boleh **dikenakan hukuman denda sehingga RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga (3) tahun**, manakala bagi **syarikat**, denda boleh **dikenakan sehingga RM50,000**.

KKM terus proaktif menjalankan aktiviti saringan terhadap iklan ubat-ubatan dan perkhidmatan kesihatan termasuk di platform e-dagang, demi memastikan penyiaran iklan dan penjualan ubat-ubatan di laman tersebut adalah mematuhi Akta Jualan Dadah 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956. Bagi tahun 2025 (sehingga 30 September):

- a. sejumlah **25,335 iklan perubatan** telah disaring;
- b. **1,958 URL** (laman web dan media sosial) telah dimohon untuk **sekatan**;
- c. **11,287 URL** dinotifikasi kepada platform e-dagang tempatan, supaya diturunkan; dan
- d. **Nilai rampasan produk tidak berdaftar** bagi tempoh sama adalah **RM 41.3 juta, melibatkan sejumlah 10,442 item**.

Selain itu, BPF KKM juga melaksanakan kempen kesedaran seperti “**Tolak Ubat Tidak Sah**” (TOBaTS) bagi meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai risiko penggunaan produk kesihatan yang menyalahi undang-undang. Maklumat lanjut mengenai kempen TOBaTS di laman sesawang <https://pharmacy.moh.gov.my/tobats>.

Orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa **menyemak status pendaftaran ubat** dengan **merujuk kepada pelekat keselamatan hologram dan nombor pendaftaran ubat (MAL)** sebelum membeli ubat berkenaan. Status pendaftaran ubat boleh disemak dengan melayari laman sesawang <http://www.npra.gov.my> di ruangan “Product Search”.

Semua pihak digalakkan untuk mengemukakan aduan dan menyalurkan maklumat berkenaan ubat yang meragukan sebagai usaha bersama untuk membanteras penjualan ubat yang tidak sah. Aduan dan maklumat tersebut boleh disalurkan melalui portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di alamat <http://moh.spab.gov.my> ATAU mana-mana Cawangan Penguatkuasaan Farmasi yang berdekatan ATAU melalui talian **03-78413200** agar tindakan sewajarnya dapat diambil.

-TAMAT-

Kementerian Kesihatan Malaysia

